



KENANGAN...pemain UPM, UKM, UTM bergambar selepas tamat kejohanan yang berlangsung di Pantai Batu Buruk, baru-baru

UPM muncul naib juara bola sepak pantai

Oleh Malik Muhamad

WALAUPUN pada awalnya diramal sebagai pasukan belasan berdasarkan pengalamannya cetek, pemain Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang mencipta kejutan muncul naib juara Kejohanan Bola Sepak Pantai Tertutup IPT, anjuran Persatuan Mahasiswa Terengganu (PERMATA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Pantai Batu Buruk, baru-baru ini.

UPM tewas tipis kepada skuad Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, dengan tendangan penalti 4-3, selepas

terikat 3-3 dalam permainan sebenar.

Jurulatih UPM, Mohd Masran Mat Aris, mengakui tidak menjangkakan pasukannya layak ke perlawanan akhir kerana tidak biasa bermain dia atas padang berpasir.

"Tetapi, dengan pengalaman yang ada saya mengarahkan pemain supaya bermain dengan tenang bagi mengelak daripada keletihan," katanya.

Selain itu, Masran yang juga adik kepada bekas jurulatih Terengganu, Mat Zan, berkata kejayaan itu juga hasil kombinasi baik antara jurulatih, pemain dan pengurus, Zainal Mokri.

Sementara itu, pengerusi kejohanan, Armi Irzan Mohd berkata, kejohanan tiga hari anjuran Permata UKM kali pertama itu menarik 10 pasukan untuk menyertainya.

"Pasukan terlibat termasuk Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Tun Abdul Razak, Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Kolej Yayasan Terengganu, Kolej Komuniti Terengganu dan Kombinasi UIA," katanya.

Armi Irzan berkata, johan menerima wang tunai RM800 serta sijil dan medal, tempat kedua, RM400 serta sijil dan medal.